

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

HGG 451 - Perancangan Pembangunan Wilayah

Tarikh: 12 April 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 Jam)

Jawab **EMPAT(4)** soalan. Semua soalan membawa markah yang sama.

1. Huraikan **tiga(3)** bentuk ruang menurut Boudeville dan bincangkan bagaimana konsep ruang ini telah diambil kira di dalam Pembangunan Perancangan Wilayah.

2. Bincangkan **satu(1)** daripada usul berikut dengan proses Pembangunan Wilayah di negara-negara membangun:

SAMA ADA

(a) pemusatan reruang pelaburan yang produktif akan menghasilkan kesan merebak yang positif di kawasan berhampiran dengan lokasi itu.

ATAU

(b) inovasi pengusahaan pada mulanya diterima dan ditetapkan di bandaraya besar dan seterusnya disebar melalui hirarki bandar.

3. Jelaskan konsep ruang ekonomi abstrak Perroux. Bincangkan kebergunaan konsep ini di dalam teori Perancangan Pembangunan Wilayah.

4. Dengan merujuk kepada Pengganda Wilayah dan Koefisien Teknikal di dalam Analisis Input-Output,

(a) huraikan cara pengiraan

(b) apakah peranannya di dalam dasar Perancangan Wilayah

5. Huraikan **tiga(3)** masalah dasar Perancangan Pembangunan Wilayah di negara-negara membangun dan nilaikan tindak balas Kerajaan Malaysia kepada masalah ini sejak 1970-an.

6. SAMA ADA

- (a) Dengan merujuk kepada Perancangan Pembangunan Wilayah di Semenanjung Malaysia, sediakan satu kritikan beserta dengan alternatif terhadap pendekatan yang digunakan pada masa kini.

ATAU

- (b) Anda ditugaskan untuk mengkaji sesuatu Pembangunan Wilayah, huraikan kaedah-kaedah analisis yang akan anda gunakan di dalam menjalankan kajian itu.

-ooo000ooo-